

LATIHAN INTERAKTIF

A Selesaikan. Tandakan (✓) jawapan yang betul.

Solve these. Tick (✓) the correct answer.

- 1 Encik Sulaiman membeli sebuah mesin penghawa dingin, sebuah televisyen dan sebuah peti sejuk masing-masing dengan harga RM2 716, RM6 315 dan RM1 895. Berapakah jumlah harga yang dia bayar?

Mr Sulaiman bought an air conditioner, a television and a refrigerator for RM2 716, RM6 315, and RM1 895 respectively. What is the total price he paid?

RM9 261	
RM10 629	
RM10 926	

- 2 Encik Guan menanam 14 950 batang pokok durian, 8 902 batang pokok rambutan, 30 655 batang pokok manggis dan 14 020 batang pokok betik di dusunnya. Berapakah jumlah pokok yang ditanam kesemuanya?

Mr Guan planted 14 950 durian trees, 8 902 rambutan trees, 30 655 mangosteen trees, and 14 020 papaya trees in his orchard. What is the total number of trees grown altogether?

68 527	
65 872	
62 725	

- 3 Encik Mansur menjual 24 824 cucuk sate pada bulan April dan 30 272 cucuk sate pada bulan Mac. Hitung beza bilangan sate yang dijual pada kedua-dua bulan itu.

Mr Mansur sold 24 824 of satays in April and 30 272 of satays in March. Calculate the difference in the number of satays sold during the two months.

4 485	
5 448	
5 848	

- 4 Jisim sebungkus tepung ialah 775 g. Berapakah jisim bagi 35 bungkus tepung yang sama?

The mass of a packet of flour is 775 g. What is the mass of 35 similar packets of flour?

27 115 g	
27 125 g	
27 152 g	

- 5 Sebuah kotak ada 30 keping kad ucapan. Syarikat Arean Cekap memerlukan 53 490 keping kad. Berapa kotak kad ucapan yang perlu dipesan?

A box has 30 pieces of greeting cards. Arean Cekap Company requires 53 490 pieces of cards. How many boxes of greeting cards to order?

1 783	
1 873	
2 183	

- 6 74 888 m wayar telah dipotong kepada 23 bahagian yang sama panjang. Berapakah panjang bagi satu bahagian?

74 888 m of wire was cut into 23 sections of equal length. How long is a section?

1 526 m	
2 356 m	
3 256 m	

- 7 Sebuah kilang mengeluarkan 2 000 buah kipas dalam masa 5 hari. Berapakah bilangan kipas yang dikeluarkan oleh kilang itu dalam masa 18 hari?

A factory produces 2 000 fans in 5 days. What is the number of fans produced by the factory in 18 days?

7 100	
7 200	
7 300	

- 8 Sebuah kotak mempunyai 16 keping biskut. Puan Ramlah membeli 210 buah kotak dan membahagikan kesemua biskut itu kepada 28 orang kanak-kanak secara sama rata. Berapakah bilangan biskut setiap seorang dapat?

A box has 16 biscuits. Mrs Ramlah bought 210 boxes and distributed all the biscuits to 28 children equally. How many biscuits does each child get?

90	
100	
120	

- 9 Siva mengecat $1\frac{1}{2}$ bahagian biliknya. Ayahnya mengecat $2\frac{1}{4}$ bahagian lagi. Berapakah jumlah pecahan bahagian bilik yang dicat?

Siva painted $1\frac{1}{2}$ part of his room. His father painted $2\frac{1}{4}$ parts more. What is the total fraction of the parts of room they painted?

$2\frac{3}{4}$	
$3\frac{3}{4}$	
$3\frac{1}{4}$	

- 10 Lina mempunyai $3\frac{1}{2}$ kek. Dia menjual $1\frac{1}{8}$ daripada kek itu. Berapakah pecahan kek yang masih tinggal?

Lina has $3\frac{1}{2}$ of cake. She sold $1\frac{1}{8}$ of the cake. What is the fraction of the cake she still has?

$2\frac{3}{8}$	
$3\frac{1}{8}$	
$3\frac{3}{8}$	

- 11 Salim menyiapkan $1\frac{1}{3}$ daripada kerja sekolah pada waktu pagi, $1\frac{2}{9}$ daripada kerja sekolah pada waktu petang dan $\frac{1}{3}$ daripada kerja sekolah pada waktu malam. Berapakah pecahan kerja sekolah yang telah disiapkan oleh Salim?

Salim finishes $1\frac{1}{3}$ of school work in the morning, $1\frac{2}{9}$ of school work in the evening and $\frac{1}{3}$ of school work at night. What fraction of the school work did Salim finish?

$3\frac{2}{9}$	
$3\frac{5}{9}$	
$2\frac{8}{9}$	

- 12 Sulaiman membeli 1.8 kg gula, 1.28 kg tepung gandum dan 0.095 kg tepung beras. Berapakah jumlah jisim barang yang dibelinya?

Sulaiman bought 1.8 kg of sugar, 1.28 kg of wheat flour, and 0.095 kg of rice flour. What is the total mass of goods he bought?

2.175 kg	
3.175 kg	
4.175 kg	

- 13 36.27 kg ayam dibahagi secara sama rata kepada 3 buah keluarga. Berapakah jisim ayam yang setiap keluarga dapat?

36.27 kg of chicken is equally distributed among 3 families. What is the mass of chicken does each family get?

12.09 kg	
12.15 kg	
12.29 kg	

- 14** Sebuah rumah kebajikan menerima sumbangan sebanyak RM720. RM252 telah digunakan untuk membeli barang keperluan. Kira peratus wang yang digunakan.
A welfare received a donation of RM720. RM252 has been used to buy basic necessities. Calculate the percentage of money used.

35%	
40%	
45%	

- 15** Aiman mempunyai RM70 092. Dia memberi RM25 280 kepada ibunya dan RM35 200 kepada ayahnya. Berapakah baki wang yang masih tinggal padanya?
Aiman has RM70 092. He gives RM25 280 to his mother and RM35 200 to his father. How much money does he still have?

RM6 129	
RM9 216	
RM9 612	

- 16** Sebuah kotak coklat berharga RM4 284.60. Berapakah harga bagi 14 buah kotak coklat itu?
A chocolate box costs RM4 284.60. What is the total cost for the 14 chocolate boxes?

RM59 984.40	
RM58 948.40	
RM54 849.40	

- 17** Harga bagi 100 batang raket ialah RM12 800. Hitung harga bagi 75 batang raket yang sama.
The price for 100 rackets is RM12 800. Calculate the price for the same 75 rackets.

RM9 500	
RM9 600	
RM9 700	

- 18** Kursus Matematik mengambil masa 3 minggu 5 hari. Kursus Sains mengambil masa 5 minggu 2 hari. Berapakah beza tempoh masa bagi kedua-dua kursus itu?
A Mathematics course took 3 weeks 5 days. A Science course took 5 weeks 2 days. What is the difference between the duration of the two courses?

1 minggu 4 hari 1 week 4 days	
2 minggu 3 hari 2 weeks 3 days	
3 minggu 2 hari 3 weeks 2 days	

- 19** Umur ayah ialah 42 tahun 7 bulan. Umur adik ialah 8 tahun 8 bulan. Berapakah jumlah umur mereka?

Father is 42 years 7 months old. The younger sister is 8 years 8 months old. What is the total of their age?

53 tahun 1 bulan 53 years 1 month	
51 tahun 3 bulan 51 years 3 months	
49 tahun 2 bulan 49 years 2 months	

- 20** Pembinaan sebuah banglo mengambil masa selama 2 tahun 4 bulan. Berapa lamakah untuk membina 8 buah banglo yang sama?

The construction of a bungalow takes 2 years 4 months. How long does it take to build the same 8 bungalows?

18 tahun 8 bulan 18 years 8 months	
19 tahun 2 bulan 19 years 2 months	
21 tahun 7 bulan 21 years 7 months	

- 21** Emak Salim membeli 2 helai kain dengan panjang 20 cm 4 mm dan 34 cm 8 mm. Berapakah jumlah panjang kain itu?

Salim's mother bought 2 sheets of cloth with a length of 20 cm 4 mm and 34 cm 8 mm. What is the total length of the cloth?

52 cm 3 mm	
55 cm 2 mm	
57 cm 4 mm	

- 22** Encik Param mempunyai sebatang kayu yang panjangnya ialah 70 cm. Dia memotong 8 cm 8 mm daripada kayu tersebut. Hitung baki panjang kayu itu.

Mr Param has a piece of wood of 70 cm long. He cut 8 cm 8 mm of the wood. Calculate the remaining length of the wood.

61 cm 2 mm	
62 cm 3 mm	
63 cm 1 mm	

- 23 Jarak dari Jerteh ke Marang ialah 30 km 700 m, manakala jarak dari Marang ke Kota Bharu ialah 27 km 450 m. Hitung jumlah jarak dari Jerteh ke Kota Bharu.
The distance from Jerteh to Marang is 30 km 700 m, while the distance from Marang to Kota Bharu is 27 km 450 m. Calculate the total distance from Jerteh to Kota Bharu.

58 km 150 m	
55 km 125 m	
52 km 115 m	

- 24 Seutas reben yang panjangnya 28 cm dipotong secara sama panjang kepada 5 bahagian. Cari panjang bagi satu bahagian reben, dalam mm.
A ribbon of 28 cm long is cut into 5 sections of equal length. Find the length of one section of ribbon, in mm.

54 mm	
55 mm	
56 mm	

- 25 Zul mempunyai 3 kg 600 g tembikai, 4 kg 800 g rambutan dan 2 705 g langsung. Berapakah jumlah jisim bagi buah-buahan yang Zul ada?
Zul has 3 kg 600 g of watermelons, 4 kg 800 g of rambutans and 2 705 g of langsung. What is the total mass of fruit Zul have?

11 kg 105 g	
11 kg 150 g	
11 kg 510 g	

- 26 Jisim 6 buah kotak yang sama ialah 12 kg 600 g. Berapakah jisim bagi 5 buah kotak itu?
The mass of 6 similar boxes is 12 kg 600 g. What is the mass for the 5 boxes?

10 kg 250 g	
10 kg 500 g	
10 kg 125 g	

- 27 Sebotol mengandungi 3 l 429 ml minyak masak. 896 ml minyak dan 1 l 72 ml minyak telah digunakan masing-masing pada hari Isnin dan hari Selasa untuk memasak. Berapakah isi padu minyak masak yang masih tinggal di dalam botol itu?
A bottle contains 3 l 429 ml of cooking oil. 896 ml of oil and 1 l 72 ml of oil were used on Monday and Tuesday respectively for cooking. What is the remaining volume of cooking oil in the bottle?

1 l 114 ml	
1 l 614 ml	
1 l 461 ml	

- 28** Rina menggunakan 3 kg tepung untuk membuat 201 biji kek cawan. Berapakah jisim tepung yang diperlukan untuk membuat 335 biji kek cawan yang sama?

Rina uses 3 kg of flour to make 201 cupcakes. What is the mass of flour does it take to make 335 similar cupcakes?

5 kg	
7 kg	
9 kg	